



AMANAT TAHUN BAHARU 2013

**PROFESOR DATO' DR. ASMA ISMAIL
NAIB CANSELOR USIM**

Mempelopori Sains Islam • Memimpin Keilmuan
Pioneering Islamic Science • Spearheading Knowledge



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية Malaysia
Islamic Science University of Malaysia

AMANAT TAHUN BAHARU
NAIB CANSOLOR USIM
2013



AMANAT TAHUN BAHARU NAIB CANSOLOR USIM 2013

Profesor Dato' Dr. Asma Ismail

Penerbit USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2013

CETAKAN PERTAMA 2013

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tidak dibenarkan mencetak ulang semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, CD atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Penerbit USIM terdahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PENERBIT USIM

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai

71800 Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06-798 8226/6081 Faks: 06-798 6083

penerbit.usim.edu.my

pej.penerbitan@usim.edu.my

**Penerbit USIM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Dicetak di Malaysia oleh:

ONLINE PRINTING NETWORK SDN. BHD

No. 49B, Jalan Anggerik,

Vanilla N31/N Kota Kemuning,

Seksyen 31, 40460 Shah Alam. Selangor.

Tel: 03-5131 2458 Faks: 03-5131 2458

onlineprint@gmail.com

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Asma Ismail

Amanat tahun baharu Naib Cancellor USIM 2013 / Asma Ismail.

ISBN 978-967-0393-70-4

1. Universiti Sains Islam Malaysia.

2. Education, Higher--Alms and objectives Negeri Sembilan.

3. Universities and colleges--Negeri Sembilan. I. Judul.

378.595117

AMANAT TAHUN BAHARU NAIB CANSOLOR USIM 2013



Mempelopori Sains Islam • Memimpin keilmuan
Pioneering Islamic Science • Spearheading Knowledge

Profesor Dato' Dr. Asma Ismail
Jam 9.30 pagi, Rabu, 6 Februari 2013
Bertempat di Dewan Kuliah Pusat 3 (DKP3)

Semoga pada tahun ini kita diberi kekuatan untuk menggerak USIM pada tahap yang lebih tinggi dan lebih mencabar.



Mempelopori Sains Islam Memimpin Keilmuan

Syukur Alhamdulillah kita diberi peluang dan diberi kesihatan untuk bersama menghadapi Tahun 2013. Bagi sesetengah warga USIM inilah pertama kali saya dapat bertemu dengan anda semua. Masih tidak terlambat saya kira bagi pihak Pengurusan Tertinggi untuk mengucapkan selamat tahun baharu kepada seluruh warga USIM. Semoga pada tahun ini kita diberi kekuatan untuk menggerak USIM pada tahap yang lebih tinggi dan lebih mencabar.

Sebelum saya bermula, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada mantan-mantan Naib Canselor dan semua mantan Timbalan Naib Canselor serta para dekan dan pengarah yang telah pada suatu masa bertungkus-lumus dengan penuh dedikasi dan *passion* untuk menubuh, membangun dan memacu USIM ke tahap sekarang. Seperti yang kita sedia maklum, tidak mudah untuk membangunkan sesebuah universiti dan kita bersyukur terhadap apa yang telah dipermudahkan setakat ini. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada mantan pengurusan tertinggi kerana menaruh kepercayaan kepada potensi USIM untuk terus mara ke hadapan dan mampu bersaing di peringkat global.

Kini, tiba pula masa saya dan barisan Pengurusan Tertinggi termasuk Timbalan Naib Canselor, Dekan dan Pengarah sekarang meneruskan perjuangan dan perjalanan USIM ke arah kegemilangan universiti ini. Atas dasar penghijrahan saya daripada Universiti Sains Malaysia (USM), saya telah mengambil masa dua bulan untuk mengenali ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), barisan Jawatankuasa Pengurusan Universiti, Dekan dan Pengarah, Kakitangan Akademik dan Pentadbiran, Barisan Majlis Perwakilan Pelajar, Mahasiswa-mahasiswi yang terdiri daripada Pasukan PALAPES USIM serta warga USIM sekalian. Sememangnya mungkin ramai lagi yang saya masih belum sempat bertemu semuka, akan tetapi saya amat bersyukur bahawa setakat ini penghijrahan ke Universiti ini adalah tidak sia-sia.

Malah, penghijrahan saya penuh dengan hikmahnya terutama pada diri saya kerana banyak perkara yang telah saya pelajari dari USIM. Setakat ini Alhamdulillah, semua warga USIM telah memberi sokongan penuh kepada semua aktiviti yang telah kita usahakan walaupun hingga lewat malam ataupun pada hujung minggu. Saya juga mendapati pelbagai agensi kerajaan dan badan berkanun ingin mengenali USIM dengan lebih dekat dan pihak industri juga ingin mengadakan hubungan yang lebih rapat dengan USIM.

Banyak juga universiti termasuk Universiti Islam yang ingin mengadakan kolaborasi dengan USIM kerana mereka memandangkan USIM sebagai penggerak utama dalam pelbagai bidang. Perkara ini semua merupakan peluang keemasan untuk kita menerokai suatu kolaborasi yang harus dipupuk, dibina dan dipelihara.





Melihat semua peluang ini, saya berharap pengalaman saya dalam Pengurusan Tertinggi di Universiti APEX, USM yang juga merupakan Universiti Penyelidikan terulung di Malaysia, serba sedikit akan membantu mempercepatkan perjalanan USIM ke arah kegemilangan. Insya-Allah.

Pada pagi yang mulia ini, adalah menjadi tradisi tahunan bagi kita semua berhimpun untuk mendapat gambaran bagaimana kita warga USIM dapat bersama dan bekerjasama untuk membina universiti tercinta ini ke arah kegemilangan. Pada masa yang sama, saya berharap Amanat Tahun 2013 ini dapat menjelaskan kepada semua warga USIM (staf dan pelajar), pemegang taruh dan masyarakat tentang hala tuju, strategi dan pelan tindakan untuk membina serta membawa USIM supaya mampu bersaing di arus perdana dan di peringkat antarabangsa.

Sebagai Naib Canselor yang ketiga, saya dapati bahawa warga USIM (staf akademik, sokongan dan pelajar) sudah matang dan mampu memberi pendapat tentang bagaimana USIM harus bergerak ke arah kegemilangan.

Dengan ini adalah menjadi hasrat saya, bermula dengan 2013, agar perjalanan seterusnya universiti ini adalah berlandaskan kepada:

1. Tanggungjawab bersama (shared responsibility)
2. Dikemudikan bersama dan
3. Bekerjasama

untuk membina dan membawa USIM ke arah kegemilangan.


Pencapaian USIM

Sebelum kita dapat berusaha membina USIM, kita perlu dahulu melihat pencapaian USIM setakat ini. Pencapaian ini meliputi penyelidikan inovasi, dan juga dalam aspek penerbitan.

Profil USIM adalah seperti yang tertera.

Total number of students Undergraduate Students = 8032 (91.5%) Postgraduates =743 (8.46%)	8775
No. of Undergraduate Programmes	25
% of graduating on time	85.32%
Postgraduate Students	Pursuing PhDs = 348 (46.8%) Pursuing MSc = 337 (45.4%)
No. of Postgraduate Programmes	36 (PhD : 11, Masters : 21, Post Grad. Diploma : 4)
No. of Research programmes	18
Foreign Students	441 (5.02%) (Under graduate : 78, Post graduate : 363)
No of Faculty / Schools	8
No of Staff	1337 (Academic : 572 Non-academic: 765)
Post Doctoral	1
Centres of Excellence	6
Professorial chair	1 Islamic Finance and Banking

USIM International Students




Afghanistan
 Algeria
 Bangladesh
 Brunei
 Cambodia
 Cameroon
 China
 Egypt
 Eritrea
 Gambia

Ghana
 Guinea
 India
 Indonesia
 Iraq
 Jordan
 Libya
 Maldives
 Mauritania
 Nigeria


Oman
 Pakistan
 Palestine
 Philippines
 Rwanda
 Saudi Arabia
 Singapore
 Somalia
 Sri Lanka
 Sudan

Syria
 Thailand
 United Arab Emirates
 USA
 Yemen



Carta Perbandingan Penyelidikan Aktif dan Penyelidikan Kumulatif




Jumlah Dana Yang Diperolehi (Tahun Semasa)




Jumlah Dana Yang Diperoleh dan Kumulatif



Citations in Each Year




Result found : 90
 Sum of the Times Cited : 105
 Sum of Times Cited without self-citations : 105
 Citing Articles : 105
 Citing Articles without self-citations : 105
 Average Citations per Item : 1.17
 h-index : 7




Total Publications : 169
 Total Citations : 168
 Average Citations : 0.99
 H-index : 6

Bilangan Penerbitan Q1 2010 - 2012



Top Research Area/Subject Area in USIM Publications

ISI Web of Science	Scopus
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Chemistry ▪ Computer Science ▪ Food Science Technology ▪ Science Technology ▪ Biotechnology Applied Microbiology ▪ Business Economics ▪ Engineering ▪ Gastroenterology Hepatology ▪ Mathematics ▪ Nutritions Dietetics ▪ Obstetrics Gynecology 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Computer Science ▪ Engineering ▪ Multidisciplinary ▪ Medicine ▪ Biochemistry, Genetics & Molecular Biology ▪ Agricultural & Biological Sciences ▪ Social Sciences ▪ Chemical Engineering ▪ Chemistry ▪ Immunology and Microbiology ▪ Mathematics



USIM BOOKS SOLD INTERNATIONALLY

Justeru, di sini boleh kita simpulkan bahawa pencapaian USIM pada amnya adalah masih di peringkat sederhana. Sememangnya kita mempunyai banyak potensi untuk meningkatkan keupayaan kita selepas melakukan *post-mortem* dengan rapi dan segala pengisian borang haruslah dikaji oleh sebuah Jawatankuasa di bawah Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PPKPK) dan diperiksa dengan teliti sebelum dihantar untuk penilaian oleh pihak Kementerian.



Kita akan terus memberi pendedahan kepada semua kakitangan yang terlibat dengan pengumpulan dan pengutipan data agar memahami kehendak sebenar penilai. Kelalainan pengisian dan interpretasi data tidak akan mencerminkan pencapaian warga USIM yang sebenar.

Inilah yang saya maksudkan dengan *shared responsibility*. Kita semua bertanggungjawab dan perlu cakna atau ambil prihatin tentang kemajuan universiti dan tidak melihat kerja sebagai beban ataupun sekadar melepaskan batuk ditangga.

Cabaran Masa Hadapan USIM

Cabaran dan perubahan landskap pengajian tinggi adalah dinamik dan kita perlu susun-atur langkah universiti ini dengan rapi agar USIM masih relevan dengan perubahan, tuntutan masyarakat dan pemegang taruh peringkat pengajian tinggi. Di antara cabaran yang perlu dihadapi oleh USIM termasuk:

- a. Kemampuan universiti untuk **mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli**;
- b. Kemampuan universiti untuk menyedia dan **memupuk keserjanaan ahli akademik** yang terbilang;
- c. Kemampuan untuk menyediakan **ekosistem penyelidikan dan inovasi yang kondusif** untuk meningkatkan budaya penyelidikan yang menyerlah dan di tahap tinggi;
- d. Kemampuan untuk menyediakan **persekitaran bekerja dan belajar yang kondusif** serta perkhidmatan yang baik bagi semua warga USIM (staf dan pelajar);
- e. Kemampuan untuk memastikan **kelestarian kewangan**;

- f. Kemampuan untuk menghasilkan **profil pelajar Al-Abrar** yang mencerminkan keluaran USIM;
- g. Kemampuan untuk menghasilkan **jaringan dengan industri dan hubungan antarabangsa** yang menyerlah;
- h. Kemampuan untuk menyediakan **pentadbiran al-Abrar yang cekap dan efektif** untuk mengerakkan universiti dengan pantas, berkesan, beretika dan berintegriti;
- i. Kemampuan dan keberkesanan kita **merayakan ilmu dengan projek libatsama komuniti** yang telah dilakukan; dan
- j. Kemampuan **menjenama dan memosisikan universiti** ini agar dekat di hati masyarakat.

Sekiranya jawapan kita menunjukkan yang kemampuan USIM adalah masih ditahap sederhana, maka kita harus lakukan **transformasi berstruktur (*transformation by design*)** dan **bukan berharap universiti ini gemilang dengan cara kebetulan (*by chance*)**. Kesemua cabaran yang saya sebutkan telah dibincangkan dalam beberapa bengkel termasuk gabungan dengan pelajar agar konsep *shared responsibility* dipraktikkan untuk kita bersama-sama membina USIM. Kita telah bekerjasama mengaturkan strategi, pelan tindakan serta KPI agar keberhasilan (*outcome*) yang diutarakan kelak akan menunjukkan keupayaan dan membuka

peluang bagi kakitangan akademik, pentadbiran, sokongan dan pelajar untuk sama-sama menggalas tanggungjawab untuk menjulang USIM ke tahap membanggakan. Kita juga perlu **connect the dots** agar kita mengatur strategi yang merupakan berterusan dan *seamless* dengan segala usaha universiti sebelumnya.



“...maka kita harus lakukan transformasi berstruktur (*transformation by design and not by chance*) dan bukan berharap universiti ini gemilang dengan cara kebetulan”

Kita perlu meningkatkan USIM bukan daripada segi *ranking* tetapi berusaha membawa universiti ini untuk mendapat tempat pertama di hati rakyat, ummah dan manusia sejagat.

Menjenamakan dan Memposisi Universiti Sains Islam Malaysia

Dalam amanat YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia baru-baru ini, beliau telah memperingatkan Institusi Pengajian Tinggi untuk menjadi relevan dan melakukan perubahan atau transformasi yang sesuai dengan peredaran zaman dan kehendak semasa agar tidak ke belakang dan terperangkap dalam corak pemikiran yang sama dan kaku.

Untuk menyambut seruan tersebut kita telah mengorak langkah untuk menyemak kembali usaha jenamaan dan posisi dalam usaha melonjakkan nama universiti di hati rakyat. Saya berterima kasih pada warga USIM yang telah mencadangkan strategi dan tindakan yang harus dilakukan untuk memperkasakan jenamaan dan posisi USIM di dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

Dalam usaha konsep menjenamakan USIM, kita harus imbas kembali kepada sejarah universiti ini. Seperti kita sedia maklum, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) adalah IPTA yang ke-12 di negara ini.



Kita perlu meningkatkan USIM bukan daripada segi *ranking* tetapi berusaha membawa universiti ini untuk mendapat tempat pertama di hati rakyat, ummah dan manusia sejagat.

Ia bermula sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) pada tahun 1998 dan diwartakan sebagai Universiti Sains Islam Malaysia hanya pada 1 Februari 2007.



Ini bermakna USIM baru saja menyambut hari jadinya yang ke-6, jika diukur selepas perubahan nama dari KUIM kepada USIM ataupun sudah menjangkau 12 tahun. Untuk makluman semua, nama Universiti Sains Islam Malaysia dalam bahasa Inggerisnya *Islamic Science University of Malaysia* tidak pernah digazetkan. Dengan itu universiti ini hanya ada satu nama saja yang diwartakan:

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Hadirin sekalian, identiti universiti daripada segi namanya harus diberi perhatian dan tidak dianggap sebagai remeh atau perkara yang kecil. Nama universiti perlu disemat dalam sanubari setiap warga USIM kerana ia membawa *pride and loyalty* kepada universiti.

Walaupun demikian, masih terdapat kekeliruan identiti nama universiti yang amat ketara di kalangan kakitangan akademik USIM sehingga berlaku penulisan tidak kurang daripada 10 nama universiti yang telah digunakan untuk penerbitan di dalam jurnal Scopus dan ISI. Nama-nama universiti yang telah ditulis termasuk:

- **Univ Sains Islam Malaysia**
- **Islamic Sci Univ Malaysia**
- **Islam Sci Univ Malaysia**
- **USIM**
- **Malaysian Islamic Sci Univ**
- **Universiti Sains Islam Malaysia**
- **Islamic Science University of Malaysia**
- **University Sains Islam Malaysia**
- **University of Science and Islamic Malaysia**

Perkara sebegini amat menyulitkan kerana kita tidak mengetahui sebenarnya berapa penerbitan USIM setiap tahun jika permutasi nama universiti tidak dapat kita kawal. Nama universiti yang tepat harus kita ketengahkan dalam penerbitan serta semua penulisan buku di universiti ini. Kita patut guna hanya **satu nama satu jenama** dalam semua aspek pengurusan dan hasil universiti. Dengan itu, di atas *consensus* dan persetujuan semua, kita akan menggunakan nama **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)** bagi semua penerbitan dan urusan rasmi universiti.

Dalam konsep mengenal pasti identiti kita, saya juga dapati bahawa universiti ini telah menggunakan beberapa logo dan logo ini juga telah diubah suai mengikut cita rasa tanpa kawalan sehinggakan ramai yang tidak mengetahui dengan tepat apa sebenarnya logo USIM dan bilakah penggunaannya. Di antaranya, *letterhead* serta baju korporat juga adalah berlainan untuk semua komunikasi serta aktiviti rasmi universiti dan tidak menggunakan logo sebenarnya. Pentadbiran serta pelajar juga mencetak dan mempamerkan baju korporat masing-masing ikut kehendak tanpa kawalan. Hadirin sekalian, penggunaan logo adalah hak intelek universiti dan tidak boleh dibuat sesuka hati. Logo universiti juga tidak boleh dicetak pada apa jua barangan tanpa kelulusan universiti.

“Kita patut guna hanya satu nama satu jenama dalam semua aspek pengurusan dan hasil universiti.”



“...kita akan menggunakan nama **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)** bagi semua penerbitan dan urusan rasmi universiti.”

Dengan itu **hanya dua logo** akan dimartabatkan dengan penggunaannya yang tertentu:

Logo 1



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Atau



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Digunakan untuk semua urusan rasmi termasuk kepala surat (*letterhead*). Tulisan Arab dan Inggeris dikekalkan untuk tujuan penjenamaan dan untuk memberi gambaran bahawa USIM menggunakan multi-lingua dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta urusan rasmi.

Logo 2



Digunakan untuk cetakan di ruang yang terhad. Contoh: cenderahati, pen dan lain-lain. Logo ini juga digunakan untuk baju korporat, pembentangan slaid dan lain-lain yang ruangnya adalah terhad.

Jenamaan juga harus dimulakan dengan laman sesawang ataupun *website* USIM sendiri, supaya semua masyarakat dan dunia mengenali dan menghayati universiti ini. Banyak lagi perkara yang harus dilakukan dan diselaraskan untuk melakukan *branding and positioning* bagi universiti ini. Ia merupakan satu tanggungjawab yang berat yang memerlukan perhatian serta susun langkah yang rapi lagi teliti.

Dengan ini, bahagian baharu yang dinamakan **Pusat Komunikasi Strategik** akan diperkasakan dan diberi mandat untuk melonjakkan USIM ke arus perdana dan mencerminkan kerelevanannya pada kaca mata rakyat, negara, ummah dan manusia sejagat.



Untuk meningkatkan jenamaan serta memposisikan USIM untuk masa hadapan, adalah penting kita melakarkan pemetaan transformasi berstruktur yang betul lagi komprehensif bagi universiti ini supaya dapat membawanya ke mercu kegemilangan. Pihak Pengurusan Tertinggi telah mengadakan beberapa bengkel perancangan strategik yang dihadiri oleh dekan, pengarah, pengurusan tertinggi universiti, pensyarah, pentadbir, kakitangan sokongan serta perwakilan pelajar untuk sama-sama menzahirkan arah tuju USIM bagi 2013-2025.

Arah Tuju USIM (2013-2025): Transformasi Berstruktur

Untuk menentukan arah tuju USIM, kita akan menggunakan **Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*)** yang menekankan keberanian untuk menceburi bidang yang belum pernah diterokai oleh sesiapa dan kita lakukannya untuk membawa impak pada negara, ummah dan pada manusia sejagat (*humanity*).

Hadirin sekalian, arah tuju universiti adalah penting kerana ia berkait-rapat dengan terserlahnya atau tidak universiti tersebut.

“...menggunakan **Strategi Lautan Biru** (*Blue Ocean Strategy*) yang menekankan keberanian untuk menceburi bidang yang belum pernah diterokai...”



Mungkin ada yang ingin menyoal sama ada USIM sudah terserlah dalam kaca mata pemegang taruh kerana keterserlahan universiti itu penting;

- Untuk **menarik bakat yang terbaik** ke universiti
- Untuk memudahkan **kolaborasi** di antara universiti
- Untuk **menjalinkan jaringan** serta hubungan dengan universiti terkemuka dan juga dengan pihak industri
- Untuk memastikan **pemegang taruh berpuas hati** bahawa peruntukan kerajaan digunakan dengan baik untuk memenuhi apa yang diperlukan dari sesebuah IPTA.



Dengan wujudnya ekonomi inovasi yang berpaksikan pengetahuan, kita perlu memposisikan USIM ke arus perdana. Penjenamaan dan pemposisian USIM boleh bermula seperti yang telah saya katakan dengan laman sesawang (*website*) USIM. Cara laman sesawang dipamerkan serta isi kandungannya akan menentukan pandangan dan persepsi masyarakat dan juga dunia terhadap keterampilan universiti ini.




Akan tetapi sebelum kita mengubah laman sesawang USIM, kita perlu bertanyakan soalan:

- Siapakah kita?
- Apakah sebenarnya kita ?
- Kenapa dan adakah kita perlu berubah ?
- Bagaimanakah hendak mula mara ke hadapan?

Agenda Dunia Pada Masa Hadapan

Untuk menjawab soalan tersebut, perlu kita lihat apakah agenda masa hadapan dunia dan negara kita. Kita perlu berbuat demikian untuk memastikan bahawa universiti adalah relevan dan akan memainkan peranan yang penting untuk menyokong kehendak sesebuah negara dan dunia.

Dunia pada masa hadapan bukan sahaja berhenti dengan persaingan **ekonomi inovasi** akan tetapi bergerak terus dengan **ekonomi bio-hijau (bio-green economy)** dan seterusnya pada **ekonomi kemanusiaan (humanization economy)**.



Masa hadapan lebih berfokus pada keperluan manusia dan mementingkan keberkesanan ilmu (*outcome*) terhadap kemanusiaan daripada impak ilmu tersebut.

Ia bertanyakan apa yang telah dilakukan dengan ilmu yang diperoleh. Dalam konteks universiti, kita sudah tidak boleh melaungkan kehebatan berdasarkan jumlah ataupun impak faktor penerbitan bahkan perlu dimaklumkan apa yang telah kita usahakan dengan ilmu yang diperoleh. Kita juga akan ditanya sebanyak mana masyarakat yang telah kita bantu dengan ilmu tersebut dan sama ada kita telah mampu mengubah cara hidup masyarakat dengan perubahan yang lestari.

In short, we at the university should be teaching the people to use the fishing rod and not give the fish. We should be involved in community engagement and not merely community service. Only then can we create a sustainable change in their lives.

Inilah yang dimaksudkan dengan **merakyatkan ilmu**. Hadirin sekalian, ekonomi kemanusiaan juga akan menekankan nilai-nilai murni, kerohanian, etika serta integriti. Ia juga membincangkan tentang usaha mengurangkan ketidaksamaan (*inequity divide*) dan perlunya menolong mereka yang amat memerlukan pertolongan.

Pada masa hadapan, jika dititikberatkan hanya gabungan sains dan teknologi (*hardware*) bersama seni dan kemanusiaan (*software*), ianya tidak mencukupi. Kedua-dua *hardware* dan *software* ini perlu juga digabungkan dengan “*heartware*” atau **Qalbu**.

Saya ingin menekankan bahawa pada masa hadapan keberkesanan (*outcome*) ilmu adalah lebih penting daripada impak ilmu tersebut. Ekonomi masa hadapan juga memberatkan kebijaksanaan ataupun kearifan (*wisdom*). Ia mencabar kebijaksanaan kita meneroka ilmu yang ditemui dan menuntut keberkesanan ilmu tersebut. Jika diperhalusi, ekonomi kemanusiaan masa hadapan banyak mementingkan dan mencakupi nilai-nilai Islam.

Ekonomi masa hadapan juga berkisar tentang penjenamaan Islam (*Islamic branding*). Dalam konteks *Islamic branding*, apa yang dibenarkan adalah halal dan apa yang ditegah adalah haram. Konsep halal pada mulanya dikaitkan dengan makanan, akan tetapi telah mula mencerminkan falsafah *halal*ism.

*Halal*ism merupakan falsafah penjenamaan Islam yang mementingkan nilai-nilai universal seperti keikhlasan, hormat-menghormati, baik hati, ketelusan, memberi balik pada masyarakat/komuniti dan kebersihan.

“...we at the university should be teaching the people to use the fishing rod and not give the fish”



“...pada masa hadapan keberkesanan (outcome) ilmu adalah lebih penting daripada impak ilmu tersebut.”

Kini, konsep *halal* bukan saja untuk orang Islam, akan tetapi konsep ini diterimakai oleh pengguna seluruh dunia yang sekarang menuntut nilai-nilai universal ini daripada syarikat serta barangan yang dibeli. Jual-beli adalah mengikut peraturan etika, moral dan pertimbangan sosial yang mementingkan pegangan bahawa wang patut digunakan untuk membangunkan nilai sosial dan kemasyarakatan dan bukan saja untuk menjana kekayaan. Ini adalah konsep CSR (*Corporate Social Responsibility*) yang berlaku di Malaysia dan seluruh dunia.

Penjenamaan Islam • Islamic Branding

HALALISM



Kini, konsep *halal* bukan saja untuk orang Islam, akan tetapi konsep ini diterimakai oleh pengguna seluruh dunia



Untuk makluman hadirin sekalian, syarikat gergasi seperti **Nestle** dan **Waitrose** di United Kingdom adalah antara syarikat terulung yang menerapkan nilai-nilai universal *halal* dalam rantai pembekalannya (*supply chain*), pembangunan produknya sehinggakan cara syarikat diuruskan juga menghayati nilai-nilai Islam. Kini, *Halal* sudah menjadi cara hidup dan diaplikasikan antaranya pada pakaian, pelancongan dan pembuatan kosmetik seperti yang dilakukan oleh jenama **L'Oreal**.

Hadirin sekalian, melihat trend dunia, masyarakat Islam adalah seramai 1.57 billion yang kebanyakannya terdiri daripada di antara 11 negara yang kukuh ekonominya. Sebanyak 62% jumlah umat Islam terdapat di Asia dan Asia Tenggara dan hanya 20% sahaja di negara Arab. Dengan itu, tidak hairanlah pada masa hadapan, ekonomi dunia akan berpusat di **Asia** dan antara negara gergasi masa hadapan ialah negara **China, India, Indonesia dan Vietnam**. Maklumat ini penting dalam perancangan strategi lautan biru USIM tentang negara yang patut kita mula dan kukuhkan kolaborasi serta jaringan kerjasama daripada segi akademik mahupun penyelidikan.

Agenda masa hadapan telah membuka peluang pada Malaysia untuk menapak dan menerajui arena *Islamic branding*. Setakat ini, Malaysia sudah pun memainkan peranan memimpin dari segi Kewangan Islam (*Islamic Finance*).



“...masyarakat Islam adalah seramai 1.57 billion yang kebanyakannya terdiri daripada di antara 11 negara yang kukuh ekonominya. Sebanyak 62% jumlah umat Islam terdapat di Asia dan Asia Tenggara dan hanya 20% sahaja di negara Arab.”

USIM juga perlu mengambil kesempatan kekuatan yang sedia ada di universiti ini untuk bersedia daripada aspek konsultasi, penyelidikan, inovasi dan pengajaran dalam bidang kewangan Islam (termasuk wakaf). Kita juga harus memimpin dalam diagnosis halal dan usaha membangunkan produk halal seperti vaksin atau ubat yang amat diperlukan oleh manusia sejagat termasuk umat Islam.

Jelas pada masa hadapan, ekonomi kemanusiaan berkait rapat dengan penjenamaan Islam dan akan membuka peluang pasaran terbesar di dunia. Dengan kekuatan serta kepakaran sedia ada dan dengan usaha kolaborasi dengan universiti dan agensi tempatan, Penjenamaan Islam (*Islamic Branding*) perlu menjadi Strategi Lautan Biru USIM dan kita harus mengorak langkah dengan strategi dan pelan tindakan untuk memimpin dan mara ke hadapan dalam bidang ini.

Merekayasa Peranan USIM dalam Mempelopori dan Memacu Sains Islam

Dalam konsep universiti sebagai gedung ilmu yang pengetahuan baharu ditemui, diterokai, disampaikan pada pelajar dan kemudiannya dipindahkan pada masyarakat, USIM terpanggil untuk memacukan nama universiti dengan mempelopori Sains Islam.



“ Kita juga harus memimpin dalam diagnosis halal dan usaha membangunkan produk halal seperti vaksin atau ubat yang amat diperlukan oleh manusia sejagat termasuk umat Islam.”

Sebelum saya teruskan pencerahan tentang Sains Islam, mungkin ada yang tertanya tanya kenapa dinamakan Universiti Sains Islam Malaysia dan tidak Universiti Islam Malaysia. Mengikut rekod universiti, Lembaga Pengarah pada 29 Julai 2005 telah mencadangkan sebenarnya tiga usul nama kepada Kabinet.

- Universiti Islam Malaysia
- Universiti Sains Islam Malaysia
- Universiti Tamaddun Islam Malaysia

Pada 30.9.2006, Menteri Pelajaran pada waktu itu, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak telah menyatakan bahawa Kabinet telah **bersetuju** dengan nama **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)** tanpa alasan yang terdapat direkod universiti sekarang.

Pada 1 Februari, 2007, KUIM yang berlokasi di Pandan Indah telah dinaikkan taraf sebagai Universiti Sains Islam Malaysia dan ditempatkan di kampus sekarang iaitu di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Pengerusi Kabinet pada waktu itu ialah YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamed. Dengan itu berdasarkan sejarah, USIM harus berbangga yang Tun Mahathir serta Perdana Menteri Malaysia sekarang telah memainkan peranan besar dalam penubuhan universiti ini. Maka tidak hairanlah kenapa Permata Insan ditempatkan di USIM.

Mungkin juga bertanya apalah ada pada nama?

Maka jawapannya adalah :

SEGALA-GALANYA

Nama yang diukir membuat masyarakat serta pemegang taruh mengharapkan sesuatu dari USIM untuk dizahirkan. Setakat ini untuk pengetahuan semua, sekiranya disemak dalam Google, hanya USIM satu-satunya universiti di Malaysia yang diharapkan untuk berdaya saing dan memacu Sains Islam.

Ini merupakan *Blue Ocean* kepada kita kerana tidak ada universiti selain daripada kita yang diberi pengiktirafan demikian dalam Internet atau kaca mata dunia perihal Sains Islam di Malaysia. Ini tidak bermakna kita harus lalai kerana banyak lagi universiti yang akan mengambil kesempatan untuk menerajui Sains Islam walaupun nama universitinya tiada kaitan langsung dengan Sains Islam.




Peluang ini terbuka pada USIM kerana dalam Amanat YB Menteri Pengajian Tinggi baru-baru ini kita dapati bahawa Kementerian sudah membuka peluang bagi **Universiti Komprehensif Berfokus** seperti USIM untuk memacu bidang-nic atau tujahan penyelidikan dan inovasi masing-masing untuk merebut sebahagian daripada dana khas penyelidikan sebanyak RM10 juta untuk Universiti Komprehensif Berfokus membangunkan bidang tujahan mereka. Di antara bidang yang dibuka untuk dibida adalah **Sains Islam**.

Hadirin sekalian, pintu telah dibuka dan cabaran telah diberi. *The ball is now in our court*. Bagaimana USIM perlu mengatur langkah untuk menyahut cabaran tersebut. Maka tidak dapat diragui lagi bahawa kita harus berdepan dengan nama Sains Islam dan menyahut kehendak kementerian dan pemegang taruh untuk menzahirkan apa yang diperlukan dari sebuah universiti yang menerajui nama Sains Islam. Hadirin sekalian, kita tidak perlu lagi gentar atau cemas berhadapan dengan nama Sains Islam. Nama ini sebenarnya tidak lari daripada Falsafah Universiti untuk mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli demi kebaikan negara, ummah dan manusia sejagat.




Peluang Bidang Sains Islam 2013
Peruntukan dana khas penyelidikan
sebanyak RM10 juta untuk Universiti
Komprehensif Berfokus

Dari segi program akademik, fokus telah diberi untuk memajukan pengajian Islam seperti seni, ilmu kemanusiaan, bahasa, sains kemasyarakatan dan pengajian Quran dan sunnah ke peringkat antarabangsa. USIM juga memberi penekanan pada sains tulen, teknologi, ICT, sains hayat dan sains bio-kesihatan dan perubatan ke arah global.




Cabarannya sekarang adalah sejauh manakah kemampuan yang telah USIM tonjolkan dalam usaha untuk **mengintegrasikan** ilmu Naqli (*Revealed Knowledge*) dan Aqli (*Human Knowledge*) pada kaca mata dunia. Pada hakikatnya, walaupun ada usaha secara kebetulan (*by chance*) kita belum sediakan strategi berstruktur dengan pelan tindakan yang rapi untuk meningkatkan usaha mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli. USIM masih belum menonjolkan kehebatannya dalam penerbitan jurnal, buku, tesis serta geran penyelidikan yang betul-betul mencerminkan Sains Islam.



“Cabarannya sekarang adalah sejauh manakah kemampuan yang telah USIM tonjolkan dalam usaha untuk mengintegrasikan ilmu Naqli (*Revealed Knowledge*) dan Aqli (*Human Knowledge*) pada kaca mata dunia.”





Dengan itu untuk menyahut cabaran kini, pada 2013 kita akan mengorak langkah *business unusual* ke arah apa yang diharapkan daripada universiti ini. Kita akan tubuhkan **Institut Sains Islam** atau **Islamic Science Institute (ISI)** yang akan menggabungkan semua jawahir sedia ada di bawahnya. Institut Kefahaman al-Quran sedia ada akan diubah suai namanya dan ditambah fungsinya dengan apa yang dimaksudkan dengan Sains Islam dan Insititut ini akan menjadi nadi untuk menggabungkan semua kepakaran di USIM supaya pencerahan berlaku secara berdialog, berdiskusi dan di samping melakukan pencerahan ilmiah dan penyelidikan berimpak tinggi dalam menghasilkan ilmu yang bernilai lagi bermakna berpandukan Quran dan Sunnah.

Kita akan mendefinisikan skop Sains Islam supaya kita dapat menjalin tujahan yang unik lagi kompetitif untuk mengkonsolidasikan keunggulan USIM dalam Sains Islam. Kita tidak dapat dan tidak akan melakukan segalanya. Kita merancang untuk menjadikan ISI sebagai Pusat Kecemerlangan yang unik, berfokus dan berkualiti supaya ianya menjadi pusat rujukan global bagi Sains Islam. Institut ini akan menggabungkan kepakaran USIM untuk melahirkan pemimpin dunia bersifat al-Abrar yang mampu memelopori Sains Islam dan menghasilkan ilmu dan inovasi yang akan mentransformasikan negara, ummah dan manusia sejagat.

“Kita akan tubuhkan **Institut Sains Islam** atau **Islamic Science Institute (ISI)** yang akan mengabungkan semua jawahir sedia ada di bawahnya.”



“Institut ini akan mengabungkan kepakaran USIM untuk melahirkan pemimpin dunia bersifat al-Abrar yang mampu mempelopori Sains Islam...”



“...modal insan ini perlu dipupuk dan laluan kerjayanya perlu dijaga supaya sentiasa diberi peluang untuk dilonjakkan ke tahap yang paling tinggi.”

Institut ini adalah sebahagian daripada rantai nilai sebagai usaha untuk melahirkan pemenang **Hadiah Nobel** bagi negara. **Pensyarah Ikon** di peringkat negara atau antarabangsa juga akan ditempatkan di ISI. ISI akan menjadi tempat pensyarah pelbagai bidang dari universiti lain untuk melakukan sabbatical mereka supaya dapat menyumbangkan kepakaran mereka untuk meningkatkan usaha mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli.

Hadirin sekalian, USIM telah diberikan amanah oleh negara untuk mengendalikan program kanak-kanak pintar melalui **Program Permata Insan** yang bertujuan untuk melahirkan ilmuwan dan pemikir Islam yang agung, sekaligus dapat mengembalikan zaman kecemerlangan ilmu di kalangan umat Islam. Untuk melahirkan ilmuwan dan pemikir Islam yang agung, modal insan ini perlu dipupuk dan laluan kerjayanya perlu dijaga supaya sentiasa diberi peluang untuk dilonjakkan ke tahap yang paling tinggi.

Terlalu banyak usaha dilakukan oleh negara secara kebetulan (*by chance*) dengan memberi biasiswa hingga ke PhD dan diharap pelajar menjadi hebat tanpa mengikuti laluan kerjayanya. Apabila pulang daripada PhD, pelajar ini akan mencari kerja sendiri dan dengan itu hanyutlah seorang lagi bakat berpotensi ini dalam *melting pot* sedia ada.

Terdapat antara mereka yang terus tidak pulang ke negara kerana tiada tempat untuk mereka mempraktikkan ilmu yang diperoleh ataupun lebih teruk disekat perkembangan ilmunya oleh ketua yang tidak memahami.

Dengan itu, di USIM kita akan berusaha menonjolkan impak dan membuahkan hasil dengan melakukan transformasi yang berstruktur. Di Permata Insan, kita akan mula mencari mereka yang berpotensi untuk digilap dalam bidang sains dan teknologi tetapi tidak kurang hebatnya di dalam al-Quran dan Sunnah. Hanya kanak-kanak terpilih dari Darjah 2 hingga 6 yang mempunyai IQ melebihi 135 akan dididik di bawah Program Permata Insan.

Kerajaan telah pun memberikan komitmen untuk membina sekolah yang akan dijenamakan sebagai “kolej” dalam kampus USIM bagi program Permata Insan (Tingkatan 1 hingga 5) dan pembinaan dijangka bermula bulan Jun 2013 ini. Pengambilan pelajar pintar pertama bagi kolej ini disasarkan pada tahun 2015 dan apabila siap, kolej ini mampu menawarkan persekitaran pembelajaran dan pengajaran yang kondusif secara berterusan kepada pelajar yang berteraskan kepada penghayatan al-Quran dan Sunnah.

Program Permata Insan ini bukan sahaja bertujuan melahirkan kanak-kanak yang memahami, mentafsir, menghafaz dan mengaplikasi al-Quran dan al-Sunnah di peringkat yang tinggi, tetapi juga mengamalkan ilmu itu dalam kehidupan harian serta menghubungkaitkannya dengan sains, teknologi dan matematik. Pelajar terbaik selepas Tingkatan 5 akan ditempatkan di universiti unggul di dunia melalui program Gerak Pintar Nobel anjuran KPT.

**Mewujudkan Kolej Permata Insan
(Tingkatan 1 hingga 5)**

Jihad ke arah
Melahirkan Nobel
Laureates

**Universiti Unggul
Dunia**

Ada juga bakat yang boleh dimasukkan dalam program kompetitif USIM dan melakukan pascasiswazahnya di ISI atau mana-mana fakulti di USIM. Setelah pulang atau tamat PhD, mereka boleh ditempatkan di ISI dan terus membangunkan ISI untuk menjadi Pusat Rujukan Global bagi Sains Islam. Demikian, rantai nilai wawasan USIM untuk menzahirkan cendekiawan Muslim bagi negara dan ummah.

Hasrat ini selaras dengan falsafah gabungan ilmu Naqli dan Aqli yang menjadi Visi Universiti dan sinonim untuk USIM sebagai sebuah Universiti Sains Islam. Institut Sains Islam, Program Pendidikan Islam di **Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP)** akan berperanan besar dalam mereka bentuk modul yang akan digunakan di Kolej Permata Insan ini. Ini adalah genting (*critical*) kerana Program Permata Insan ini akan disasarkan sebagai program untuk menghasilkan **Muslim Nobel Laureates** pada masa akan datang.

Ini sebenarnya merupakan suatu “jihad” kerana hanya terdapat dua orang *Muslim Nobel Laureates* yang mampu dilahirkan setakat ini di kalangan penduduk Islam seramai 1.6 billion berbanding orang Yahudi yang telah menghasilkan 79 *Nobel Laureates* walaupun jumlah penduduknya hanyalah sekitar 13 juta sahaja.

Berusaha ke arah itu juga, USIM kini sedang melaksanakan satu inisiatif membangunkan bakal Pemimpin Islam daripada kalangan mahasiswa-mahasiswinya. Program **Young Muslim Leaders of the Future (YMLF)** diolah untuk melahirkan pemimpin yang berketerampilan, berintegriti serta kompeten berdasarkan model Kepimpinan Islam yang digariskan oleh al-Quran dan as-Sunnah.

“Program Permata Insan ini akan disasarkan sebagai program untuk menghasilkan *Muslim Nobel Laureates* pada masa akan datang.”



Beberapa sesi saringan ketat telah diadakan pada tahun lalu, bermula daripada kelayakan PNGK 3.0 ke atas, diikuti dengan saringan peperiksaan secara *online*, kemudian ditapis lagi melalui kem saringan, dan akhir sekali ialah ujian temuduga. Calon yang melepasi ujian temuduga seramai 33 orang telah diserap sebagai Peserta Perintis *Young Muslim Leaders of The Future*. Setiap peserta diperuntukkan RM40 ribu sepanjang pengajian dan akan diserap ke dalam bajet program yang mereka sertai. Peserta YMLF kini diberikan latihan intensif terpilih melalui modul berstruktur.



Untuk memastikan semua warga USIM bergerak senada dan sehaluan dalam usaha kita untuk membina USIM ke arah kecemerlangan, kita telah bersama menghasilkan arah tuju, visi dan misi bagi USIM dengan pengekalannya falsafah sedia ada.



VISI

- Mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli untuk mentransformasi dan menghasilkan nilai kepada negara, ummah dan manusia sejagat.
- *Integrating Naqli (revealed) and Aqli (human) knowledge to transform and create value for country, ummah and humanity.*

Misi

- USIM bertekad untuk menjadi pusat rujukan global untuk Sains Islam dan melahirkan pemimpin al-Abrar yang berupaya menghasilkan ilmu dan inovasi yang mampu mentransformasikan negara, ummah dan manusia sejagat.
- *USIM aims at becoming a global reference center for Islamic science with Al-Abrar (noble) leaders capable of creating knowledge and innovations to transform the country, the ummah and humanity.*

Latihan Pemimpin Masa Hadapan Negara yang Bersifat al-Abrar

Sesuai dengan peranan universiti untuk menjadi menara ilmu, peralihan set minda harus berlaku daripada pegangan ilmu untuk ilmu kepada ilmu untuk masyarakat. Ia akan menzahirkan impak yang amat besar kepada USIM sebagai agen perubahan dalam komuniti. Penubuhan USIM yang berhajat untuk membawa Pendidikan Islam dalam arus pendidikan perdana adalah amat murni. Melalui penerapan Pendidikan Islam yang kukuh, USIM akan melahirkan mahasiswa/i yang sudah sedia menjadi cendekiawan, profesional mahupun pemimpin Islam masa hadapan yang cemerlang dan dibaluti erat jiwanya dengan personaliti nilai-nilai murni atau al-Abrar. Inilah ciri graduan yang ingin USIM lahirkan kepada masyarakat dan negara.

Graduan berkepentingan al-Abrar ini pastinya akan melihat kepentingan komuniti atau masyarakat melebihi kepentingan diri. Malah kecekalan dan daya tahan mereka amat luar biasa dalam mendepani cabaran dan dugaan kerana mempunyai pegangan dan kefahaman yang kukuh kepada al-Quran dan Sunnah. Lantaran itu, USIM akan mewujudkan Pusat Transformasi Komuniti Universiti atau **University Community Transformation Centre (UCTC)** berasaskan USIM dengan menggerakkan kepakaran dan infra fizikal universiti untuk mentransformasi masyarakat setempat



dan seantero. Pendekatan baharu melalui platform **IM4U Outreach** yang bakal diwujudkan di USIM akan dioptimakan untuk menambah pengalaman pelajar dan memperteguhkan tanggungjawab sivik mereka kepada masyarakat melalui libatsama (*engagement*) mereka dalam menyelesaikan masalah sebenar masyarakat melalui ilmu yang dipelajari. Pengalaman sedemikian akan menjadikan mereka sebagai rakyat yang menyumbang kepada pembangunan Malaysia.



Pengurusan Sumber, Bakat dan Tadbir Urus yang Cepak serta Berintegriti

Selari dengan kehendak universiti untuk bergerak *business unusual*, maka pengurusan bakat akan dimantapkan. USIM perlu bergerak kepada pengurusan yang cekap, pelbagai kemahiran (*multi-skilled*), berintegriti dan bersikap al-Abrar. Pengambilan staf pelbagai kemahiran merupakan strategi universiti untuk mengurangkan pengambilan staf sambilan. Sejar dengan keperluan universiti untuk mencapai kegemilangan, pengambilan staf akademik juga perlulah berdasarkan kemampuan ia melakukan penyelidikan dan mempunyai kepakaran yang akan menyumbang kepada universiti dan bukan semata-mata diambil untuk pengajaran.

Sebagai universiti yang berteraskan nilai-nilai Islam, USIM harus menjadi model contoh tentang sikap staf yang tidak mengira kerja, tidak mengira masa, baik hati, hormat-menghormati, mahu berkerjasama serta mesra pelanggan. Warga universiti adalah aset terbesar bagi setiap universiti. Hanya warga USIM akan menentukan masa hadapan universiti ini. Jagalah universiti ini dengan kasih sayang sebab tanggungjawab membina kegemilangan USIM perlulah digalas bersama.

“...pengambilan staf akademik juga perlulah berdasarkan kemampuan ia melakukan penyelidikan dan mempunyai kepakaran yang akan menyumbang kepada universiti dan bukan semata-mata diambil untuk pengajaran.”



Ke Arah Kelestarian Kewangan

KPT telah memberikan ketetapan agar setiap IPTA perlu menggiatkan aktiviti penjanaan pendapatan masing-masing agar mampu menampung 30% daripada belanja operasi tahunan. Oleh itu, aktiviti penjanaan pendapatan perlu dilihat sebagai salah satu teras utama bagi menampung keperluan setiap IPTA dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada pihak kerajaan.

USIM menyambut cabaran tersebut dengan menubuhkan **Tabung Enterprise** bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk menggalakkan aktiviti penjanaan pendapatan di dalam universiti. Semua PTJ adalah digalakkan melakukan penjanaan pendapatan mengikut tujahan masing-masing. Aktiviti penjanaan yang dimaksudkan termasuk perundingan, penganjuran seminar/bengkel ataupun kursus. Bagi usaha yang ditaburkan, 50% peruntukan yang dijana akan disimpan oleh PTJ untuk penggunaannya. Peraturan untuk menggunakan Tabung Enterprise juga telah disediakan.

Beberapa PTJ juga boleh bergabung untuk menjalankan aktiviti penjanaan pendapatan. Diharapkan usaha ini akan menggalakkan pemikiran keusahawanan kalangan staf akademik dan sokongan. Ia juga menggalakkan pemikiran “lautan biru” dalam aktiviti yang ingin dijalankan.

Sebagai menghayati konsep al-Abrar, PTJ digalakkan untuk menggunakan tidak lebih daripada 10% Tabung Enterprise masing-masing untuk aktiviti libatsama komuniti bersama staf dan pelajar.

Konsep keusahawanan secara **Social Enterprise** juga digalakkan supaya keberkesanan projek libatsama dengan masyarakat yang berpendapatan rendah dapat ditingkatkan. Dalam aspek penjanaan pendapatan, universiti juga ingin melihat dan menggerakkan **Pembiayaan Wakaf atau Wakaf Financing**. Mungkin pada masa hadapan semua IPTA akan diminta untuk mencari *endowment* atau menceburi *Wakaf Financing*.

Tabung Enterprise

50% janaan disimpan PTJ
10% untuk aktiviti libatsama

Social Enterprise

Libatsama dengan masyarakat

Wakaf Financing

Konsep Universiti Hibrid

Di sinilah menjadi keperluan dan juga cabaran bagaimana IPTA dengan peruntukan operasi daripada pihak kerajaan dapat menggembleng dan menjaga peruntukan secara wakaf. Tatacara menguruskannya mungkin boleh dikupas oleh pakar di USIM untuk mewujudkan universiti hibrid yang dibiayai 70% oleh Kerajaan dan 30% secara wakaf.

Atas dasar kita telah diminta oleh KPT untuk merancang dan membenteng perancangan pembinaan Hospital Pengajar dalam masa terdekat, gabungan konsep *social enterprise*, *syariah compliance* dan *wakaf financing* akan diutarakan untuk pembinaan Hospital Pengajar USIM bagi mahasiswa perubatan dan pergigian kita.

Ke Arah Program Akademik Yang Terbilang

Selaras dengan keperluan negara untuk bersaing dalam ekonomi baru dan dengan adanya ekonomi kemanusiaan masa hadapan, bagaimanakah kita dapat terjemahkan keperluan masa hadapan untuk melatih pemimpin hari esok, hari ini?

Untuk menyediakan Malaysia hari ini untuk esok, kita perlu melihat semula kurikulum sedia ada supaya dapat melatih graduan yang inovatif dan tidak gentar untuk menjadi perintis.

Kita tidak mahu mengikut kurikulum yang hanya melatih pengikut kelmarin dan tidak menjadi pemimpin masa hadapan. Kita perlu melatih graduan supaya *passionate* bukan saja untuk menimba ilmu tetapi juga berupaya untuk menjadi pekerja sendiri (*self employed*) dan menggajikan orang daripada hanya menunggu diberi gaji.



“Untuk menyediakan Malaysia hari ini untuk esok, kita perlu melihat semula kurikulum sedia ada supaya dapat melatih graduan yang inovatif dan tidak gentar untuk menjadi perintis.”



Kurikulum di universiti ini juga harus mengajar graduan untuk memberi dan berjasa pada komuniti dan manusia sejangat. Kita harus melatih graduan mempunyai sifat al-Abrar (nilai yang baik lagi murni). Pendek kata, kita harus menyediakan kurikulum yang mementingkan *hardware* (sains dan teknologi), *software* (seni sains kemasyarakatan dan sains sosial) dan *heartware* (kalbu).

Walaupun aspirasinya tinggi, USIM tidak boleh lari dari realiti. Masih banyak kekangan bagi universiti ini untuk terus membangun terutamanya dari aspek keperluan kewangan operasi dan ruang Pembelajaran dan Pengajaran yang masih terhad. Buat masa ini tiga fakulti, iaitu Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan (FPSK), Fakulti Pergigian (FPg) dan Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) belum mempunyai bangunan sendiri manakala bangunan untuk Fakulti Sains & Teknologi hanya dapat disiapkan separuh sahaja.

Kekangan ini tidak akan mengongkong USIM untuk terus berkembang dari segi menawarkan lebih banyak program akademik dan pengambilan lebih ramai pelajar.

Penawaran program akademik USIM secara **global classroom** dilihat sebagai kaedah inovatif yang mampu untuk:

- Meningkatkan kebolehsaingan (**competitiveness**) program-program akademik USIM di luar negara.
- Meningkatkan **pengambilan** pelajar antarabangsa dengan keadaan ruang P&P sedia ada yang terhad di USIM.
- Memperluaskan jaringan dan hubungan (**networking and linkages**) dengan IPT di dalam dan luar negara,
- Meningkatkan janaan **pendapatan** universiti.

Perlaksanaan *global glassroom* juga dapat diantisipasi berupaya meningkatkan keberkesanan program mobiliti antarabangsa USIM terutamanya program libatsama masyarakat bersama pelajar USIM di luar negara. Ini akan membantu universiti ini untuk menghasilkan graduan yang lebih matang dan lebih mensyukuri dengan apa yang telah disediakan untuk mereka di negara ini. Ini adalah sebahagian daripada sifat al-Abrar yang ingin diterapkan kepada graduan universiti ini.

USIM telahpun mempunyai **Global Open Access Learning Center (GOAL Center)** yang boleh terus diperkasa dengan keperluan ICT tertentu, perkakasan *video conferencing* dan pasukan teknikal yang *competent* serta prasarana *Cloud*, untuk berperanan secara lebih efektif bagi meneraju penawaran program akademik USIM secara *global classroom*. Usaha untuk tingkatkan rangkaian jalur lebar juga akan disediakan pada 100 Megabit supaya senang pembelajaran secara *global classroom* dilancarkan.

Memperluaskan Hubungan Antarabangsa

Dalam era globalisasi, strategi pengantarabangsaan menjadi satu keperluan yang penting lagi kritikal. Dalam Amanat YB Menteri Pengajian Tinggi, USIM telah diberi penghormatan untuk menerajui penubuhan konsortium di kalangan IPT Islam dalam negara. Konsortium ini akan bertindak sebagai platform untuk memperkasakan perkongsian pintar dalam aktiviti akademik dan penyelidikan berkonsepkan *global classroom* di kalangan IPT serantau dan negara-negara OIC.

USIM akan mengambil peluang dan cabaran ini dengan penubuhan *Islamic Consortium for Academic Quality and Research Advancement* yang akan lebih dikenali dengan nama i-IQRA'. Penubuhan i-IQRA' bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Maaidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat).



“Hubungan baik antara USIM dan *Asociasion of Arab Universities (AARU)* yang mempunyai keahlian sebanyak 240 universiti dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk memperkasa i-IQRA’.”





Penubuhan i-IQRA' diharapkan dapat mencapai objektif berikut:

- i. Mewujudkan kolaborasi akademik, penyelidikan, inovasi, persidangan serta pameran antara Institusi Pengajian Tinggi Islam.
- ii. Menggabungkan kepakaran pelbagai institusi untuk membida geran penyelidikan peringkat antarabangsa.
- iii. Mewujudkan sinergi penyebaran ilmu bagi membangunkan kelestarian ummah melalui libatsama masyarakat (*community engagement*).

Di peringkat nusantara dan antarabangsa, i-IQRA akan diteraju secara bersama oleh USIM (Malaysia), Institut Studi Islam Darusalam (ISID Indonesia) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA Brunei) yang merupakan rakan strategik yang mencetuskan penubuhan i-IQRA. i-IQRA dilihat dapat digerakkan untuk mengoptimumkan dan mengaktifkan aktiviti bersama antara USIM dengan rakan strategik di luar negara yang kebanyakannya tertumpu di peringkat negara ASEAN, Asia Tengah dan Timur Tengah.


Hubungan baik antara USIM dan *Assosiasi of Arab Universities* (AARU) yang mempunyai keahlian sebanyak 240 universiti dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk memperkasa i-IQRA'. Diharapkan dengan adanya konsortium ini ia dapat memperkasakan lagi perkhidmatan pengajian tinggi negara dan sekaligus mempromosikan negara sebagai pemimpin di peringkat global terutamanya di kalangan negara-negara Islam.

Penyediaan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi yang Kondusif

Untuk meningkatkan tahap kegemilangan penyelidikan dan inovasi, kita tidak boleh lari daripada tiga faktor besar:

1. Penerbitan (Sitasi, H-index)
2. Harta intelek (paten, *Trademark*, *copyright*)
3. Bakat (staf akademik, Pascasiswazah, siswazah, Pascadoktoral)

Persekitaran yang kondusif perlu disediakan untuk pensyarah bagi membantu mereka untuk mula menyerlah dalam penyelidikan dan inovasi. Penyelidikan tidak boleh terserlah sekiranya pascasiswazah tidak diperkasakan. Dengan itu, kita telah usaha menyediakan kemudahan atau **Enablers** untuk meningkatkan budaya penyelidikan dan inovasi di USIM.




Universiti telah menyediakan keperluan pencetak laser dan komputer kepada semua staf akademik. Bantuan menghadiri persidangan untuk pembentangan oral juga disediakan. Bayaran insentif untuk mereka yang mampu menghasilkan penerbitan dalam ISI yang melebihi faktor impak 0.2, *charge* muka surat penerbitan dalam Scopus dan dalam jurnal ERA juga disediakan. Untuk menggalakkan pascasiswazah membentang kertas kerja oral, disediakan bantuan tabung persidangan bagi pascasiswazah.

Peruntukan bagi alatan juga disediakan bagi makmal tertentu yang telah mula menunjukkan *output* yang berkualiti. Untuk menolong pensyarah berjinak dan mula mendapat *seed data* supaya mampu memohon geran kompetitif yang lebih besar, kita telah memulakan Geran USIM yang membantu pensyarah dari mula menjalankan penyelidikan sehingga beliau mampu berkerja secara *team* atau kluster yang pelbagai disiplin. Usaha untuk fail paten juga telah diberi peruntukan.



“...kita telah memulakan Geran USIM yang membantu pensyarah dari mula menjalankan penyelidikan sehingga beliau mampu berkerja secara *team* atau kluster yang pelbagai disiplin.”





Universiti juga dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia akan memperkasakan pameran i-INNOVA (*Islamic Innovations*) Pameran i-INNOVA diharapkan dapat dimanfaatkan juga bersama ahli dari i-IQRA. Begitu juga dengan program **Intifal IPT ASEAN** yang kini semakin mendapat perhatian di peringkat ASEAN, akan terus diperkasakan.

Demikian adalah usaha universiti untuk membantu meningkatkan budaya serta ekosistem penyelidikan dan inovasi di USIM.




“...program Ihtifal IPT ASEAN yang kini semakin mendapat perhatian di peringkat ASEAN, akan terus diperkasakan.”

Perlu saya nyatakan di sini bahawa dengan kemudahan serta prasarana yang diberi untuk meningkatkan penyelidikan dan inovasi, universiti akan sentiasa memantau markah MyRa USIM dan CAPS R&D USIM untuk melihat keberkesanan langkah-langkah universiti untuk meningkatkan tahap kegemilangan penyelidikan dan sekaligus mula memupuk para akademik yang bakal atau sudah menjadi **Penyelidik Ikon** di USIM. Sepertimana kita pelihara dan memupuk generasi akan datang melalui Permata Insan, kita juga akan memupuk pensyarah yang berpotensi untuk menjadi penyelidik ikon dan model contoh di USIM. Insya-Allah.

Melalui pengamatan dan tinjauan saya, dalam umur yang baru saja enam tahun (tidak termasuk nama KUIM dahulu), USIM masih belum sampai ke tahap yang mempunyai banyak produk penyelidikan yang mampu dikomersilkan.

Ini tidak bermakna kita tidak berkebolehan untuk memula dan meningkatkan hubungan dengan industri. Waktu beginilah kita perlu memikirkan Strategi Lautan Biru yang boleh membantu USIM. Sekali lagi “lautan biru” kita terletak pada Islam. Seperti yang saya nyatakan, penjenamaan Islam adalah masa hadapan ekonomi. Negara telah menekankan bahawa ekonomi Malaysia akan digerakkan dengan pengetahuan dalam bidang bioteknologi.

A woman wearing a pink hijab and a colorful floral-patterned dress is speaking to a group of men in a conference room. She is holding a small white card. The men are dressed in business casual attire, including a green batik shirt and a striped shirt. The room has a patterned carpet and a modern ceiling with recessed lighting.

“Sepertimana kita pelihara dan memupuk generasi akan datang melalui Permata Insan, kita juga akan memupuk pensyarah yang berpotensi untuk menjadi penyelidik ikon dan model contoh di USIM. Insyaa-Allah.”



“USIM akan melakukan kerjasama pintar dengan beberapa syarikat dan agensi tempatan, bukan untuk menghasilkan produk penyelidikan tetapi untuk melatih modal insan yang akan berkerja dengan syarikat bioteknologi tempatan.”

Dengan penelitian bahawa 1 billion umat Islam terdapat di Asia, untuk mengukuhkan daya saing negara dalam bioteknologi, USIM akan melakukan kerjasama pintar dengan beberapa syarikat dan agensi tempatan, bukan untuk menghasilkan produk penyelidikan tetapi untuk melatih modal insan yang akan berkerja dengan syarikat bioteknologi tempatan. Kita akan memberi pendedahan kepada mereka bagaimana untuk memastikan syarikat boleh memula, membina dan mematuhi kehendak Syariah supaya mampu berdaya saing di pasaran dunia dalam bidang tujahan masing-masing.

Kementerian Perdagangan dan Industri Malaysia pada Mac 2012 telah melaporkan bahawa Malaysia telah mengeksport produk halal bernilai RM34.5 billion atau 5.1% daripada eksport negara. Malaysia telah menjadi pengeksport terbesar di kalangan negara OIC dengan adanya tidak kurang daripada 4785 syarikat yang telah diakreditasikan sebagai halal. Kesemua syarikat ini memerlukan pekerja yang sedar tentang keperluan Syariah. Di sinilah kepakaran yang sedia ada di USIM akan digembleng untuk membantu menjayakan kerjasama ini. Kita juga akan usaha memantapkan hubungan dengan industri untuk membina iCoE yang berteraskan nilai-nilai Islam dalam beberapa bidang termasuk Bioteknologi.

Hadirin sekalian, kita di USIM harus kehadapan dengan kekuatan kita dalam Pengajian Islam dan kemampuan kita untuk mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli. Ini merupakan seruan bagi semua pemegang taruh dan juga KPT dan saya rasa tiada siapa yang akan mengkhianati USIM untuk mara ke hadapan dengan usaha yang murni.

Dengan itu, dalam semua aspek, pastikan kita di USIM jangan hanya memberi dalih tapi biarlah berkata boleh dalam semua usaha dan perancangan kita. Barulah kita cekal untuk mara ke hadapan dan sekaligus membina kegemilangan USIM. Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu sehinggalah kaum itu sendiri mengubahnya (al-Quran, Ar-Ra'ad, ayat 11).

Perlu dinyatakan bahawa kesemua hasil keberkesanan (*outcomes*) yang dipertanggungjawab kepada kita semua telah dibincang bersama dan dihasilkan bersama-sama. Kesemua **Transformasi Berstruktur** ini telah dibukukan dan juga dimuat naik di sesawang USIM agar mudah dirujuk. Terdapat **18 Keberkesanan/Outcomes, 46 Isu, 60 Strategi dan 60 KPI** yang perlu dicapai.

“...pastikan kita di USIM jangan hanya memberi dalih tapi biarlah berkata boleh dalam semua usaha dan perancangan kita.”



“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu sehinggalah kaum itu sendiri mengubahnya.”

(al-Quran, Ar-Ra'ad, ayat 11)




- 18** Keberkesanan/(Outcome)
- 46** Isu
- 60** Strategi
- 60** *Key Performance Indicator (KPI)*

Demikianlah di antara isu dan cabaran bagi tahun 2013 dan juga seterusnya sehingga 2025. Sama-samalah kita bekerjasama serta berkongsi tanggungjawab dengan senada dan sehaluan untuk membina USIM ke tahap yang dihormati dan sentiasa dirujuk untuk program akademiknya, Sains Islamnya, penemuan penyelidikannya serta sahsiah kebolehan pelajarnya malah stafnya yang bersifat al-Abrar hingga peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Untuk semua para ilmuwan, warga staf USIM yang saya hormati dan semua pelajar USIM yang dikasihi, Selamat Menyambut Tahun Baharu 2013. Semoga diberkati selalu dan didoakan Allah permudahkan apa yang kita bakal lalui pada Tahun 2013.

Sekian, terima kasih.

Profesor Dato' Dr. Asma Ismail
6 Februari 2013



“Untuk semua para ilmuwan, warga staf USIM yang saya hormati dan semua pelajar USIM yang dikasihi, Selamat Menyambut Tahun Baharu 2013. Semoga diberkati selalu dan didoakan Allah permudahkan apa yang kita bakal lalui pada Tahun 2013.”

Bahagian Penerbitan
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai, Negeri Sembilan

